

## CABARAN WANITA BEKERJAYA DALAM MENGURUS RUMAHTANGGA DI ERA PANDEMIK COVID-19

THE CHALLENGES OF CAREER WOMAN IN MANAGING A HOUSEHOLD IN THE COVID-19 PANDEMIC ERA

\*Nur Hasanah Ishar, Ku Putri Liliana Ku Abd Halim

Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur (KPBKL)

Corresponding Author; e-mail: \* hasanah@kpbkl.edu.my

### ABSTRAK

Penglibatan wanita masa kini semakin meluas dalam pembangunan ekonomi negara daripada pelbagai sektor berbanding dahulu sama ada secara langsung maupun tidak langsung. Pada Mac 2020, kerajaan Malaysia telah mengisyiharkan ‘Perintah Kawalan Pergerakan’ (PKP) berikutan pandemik Covid-19 yang melanda dunia bagi mengekang penularan wabak ini. Pelaksanaan PKP ini telah memberi impak terhadap masyarakat termasuklah golongan wanita yang bekerjaya. Ada sebahagian industri terpaksa dihentikan seketika dan ada juga yang diarahkan bekerja dari rumah. Ini telah menjadi norma baharu bagi kebanyakan pekerja termasuklah pekerja wanita. Namun, situasi ini sudah tentu menjadi lebih mencabar bagi golongan wanita dalam memenuhi komitmen sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga. Justeru, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam mengurus rumahtangga di era pandemik Covid-19. Metodologi kajian yang digunakan ialah kualitatif dengan menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Manakala pengumpulan data dilakukan melalui analisis kandungan daripada jurnal, akhbar, buku dan laporan bertulis. Hasil kajian mendapat terdapat beberapa cabaran dihadapi yang boleh dilihat daripada aspek fizikal dan mental. Antara cabaran ini adalah seperti masalah kewangan, pengurusan masa yang kurang berkesan, penjagaan anak dan bebanan kerja. Manakala cabaran daripada aspek mental yang dihadapi antaranya adalah tekanan emosi dan perasaan. Justeru, sistem sokongan dan bantuan sedia ada perlu menjurus kepada penambahbaikan bagi menjamin kesejahteraan rumahtangga selaras dengan konsep Dasar Keluarga Negara (DKN).

**Kata Kunci:** Cabaran; kewangan; pengurusan masa; bebanan kerja; tekanan emosi.

### ABSTRACT

The involvement of women in the country’s economic development nowadays has broaden from various sectors as compared to the past, both directly and indirectly. In March 2020, the Malaysian government declared a ‘Movement Control Order’ (MCO) following the Covid-19 pandemic that hit the world to curb the spread of the pandemic. The implementation of the MCO has had an impact on society including the career women. Some industries had to be stopped for a while and some were even ordered to work from home. This has become a new norm for most workers, including female employees. However, this situation has certainly

become more challenging for women in fulfilling their commitments as employees and household managers. Hence, this article aims to identify the challenges faced by these people in managing their households during the Covid-19 pandemic. The methodology of the study used is qualitative using the design of content analysis. Data collection is done through analysis of content from journals, newspapers, books and written reports. The results of the study showed that there are several challenges that can be seen both physically and mentally. Among these challenges are financial problems, poor time management, childcare and workload. Among the challenges faced by the mental aspects are emotional distress and feelings. Hence, the existing support and assistance system should be geared towards improvements to ensure the well-being of the household in line with the concept of the National Family Policy (NSC).

**Keywords:** Challenges, finance, time management, workload, emotional stress.

## PENGENALAN

Pada penghujung tahun 2019, umum mengetahui wujudnya suatu wabak baharu dikenali sebagai *Coronavirus Disease* atau lebih sinonim disebut Covid-19 mula tersebar di China (World Health Organization, 2020) dan menular ke seluruh dunia sehingga kini. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyifatkan wabak Covid-19 ini sebagai suatu pandemik. Pandemik bermaksud wabak penyakit yang tersebar dengan begitu meluas, sama ada hingga ke seluruh wilayah, benua atau dunia (Kamus Dewan, 2005).

Pandemik Covid-19 ini telah mengubah norma masyarakat di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Pada 18 Mac 2020, kerajaan Malaysia telah melaksanakan ‘Perintah Kawalan Pergerakan’ (PKP) bagi mengekang penularan wabak ini. Beberapa langkah telah diambil semasa PKP dilaksanakan untuk memutuskan rangkaian jangkitan antaranya penutupan semua institusi pendidikan termasuklah taska, sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Selain itu semua premis kerajaan dan swasta ditutup kecuali bagi perkhidmatan penting negara, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai serta sekatan perjalanan dari dalam dan luar negara.

Krisis Covid-19 yang melanda negara sudah tentu memberikan impak yang besar kepada setiap individu seperti rutin harian, aktiviti sosial, aktiviti keagamaan, pendidikan termasuklah pekerjaan. Penduduk Malaysia yang dianggarkan seramai 32.6 juta telah terkesan daripada pelaksanaan PKP terutamanya golongan wanita yang bekerjaya (Masyitah Abdul Majid, 2020). Menurut Statistik Tenaga Buruh Malaysia, Suku Pertama (ST1) 2020, seramai 6.16 juta atau 39.0 peratus tenaga buruh di negara ini adalah terdiri daripada kaum wanita (Jabatan

Perangkaan Malaysia, 2020).

Bagi mereka yang bekerja sama ada sektor awam atau swasta, ada sebahagiannya diarahkan bekerja dari rumah dan ada sebahagian lagi kekal bekerja seperti biasa dengan mematuhi *Standard Operating Procedure (SOP)* yang ditetapkan. Tidak kurang juga ada yang hilang pekerjaan disebabkan oleh pandemik ini. Norma baru bagi kebanyakan pekerja terutama dalam kalangan wanita sudah tentu lebih mencabar bagi memenuhi komitmen sebagai pekerja dan pengurus rumahtangga. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi wanita bekerjaya dalam mengurus rumahtangga semasa pandemik Covid-19.

### **Kedudukan Wanita dalam Islam**

Kehadiran Islam telah mengangkat tinggi martabat wanita sekaligus menghapuskan diskriminasi terhadap mereka pada zaman jahiliah. Maruah mereka ketika itu tiada nilai kemuliaan, hak-hak ditindas, bahkan dijadikan sebagai alat pemuas hawa nafsu semata-mata. Kedatangan Islam menjadikan kedudukan wanita dimuliakan di sisi Allah SWT dan Rasul-Nya. Ini dapat dilihat menerusi beberapa ayat al-Quran berkaitan pemeliharaan dan perlindungan terhadap hak-hak wanita. Antaranya ialah wanita diberi hak dalam perwarisan harta (al-Nisa', 4:7), hak perempuan yatim dipelihara (al-Nisa', 4:3), hak dalam pernikahan jika suami tidak dapat berlaku adil (al-Nisa', 4:3), hak memperoleh mahar dalam pernikahan (al Nisa', 4:4), hak mendapat pergaulan dan perlakuan baik daripada suami (al-Nisa', 4:19), wanita diberi kemuliaan khusus ketika menjadi seorang ibu (al-Isra', 17:23- 24) dan banyak lagi.

Selain itu, pengorbanan yang dipikul oleh golongan wanita tidak mungkin mampu ditanggung oleh lelaki. Ini dapat dilihat daripada beberapa aspek yang sesuai dengan fitrah kejadian mereka seperti kesediaan mengandungkan bayi selama sembilan bulan tanpa jemu dan takut dengan kemungkinan bahaya yang ditanggung, menjaga dan menyusukan anak, selain berusaha menjaga perasaan dan hubungan suami isteri (Asyraf Ab Rahman et al., 2014).

Islam tidak meletakkan hak manusia itu berdasarkan pada jantina, keturunan, warna kulit atau bangsa. Baik lelaki atau wanita, mereka diberi hak yang sama untuk hidup sebagai manusia yang bermaruah, peluang yang sama untuk mencari rezeki dan kekayaan di muka bumi Allah, hak untuk mendapat pendidikan, kedudukan yang sama di sisi undang-undang serta peluang yang sama untuk melakukan ibadat kepada Allah. Namun, yang membezakan

antara semuanya adalah nilai ketaqwaan di sisi Allah SWT (Nazri Muslim, 2018). Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13 yang bermaksud:

*Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu).*

Penciptaan wanita turut mempunyai tanggungjawab dan peranan. Ia terbukti dalam sejarah kegemilangan Islam iaitu wanita berperanan sebagai hamba kepada Allah, sebagai seorang anak kepada kedua ibu dan bapa, sebagai seorang isteri kepada suaminya, sebagai seorang ibu kepada anak-anak dan turut sebagai seseorang yang diperlukan dalam masyarakat (Abdullah Alwi Hassan, 1996).

#### (i) Wanita sebagai hamba Allah SWT

Peranan utama seorang wanita ialah sebagai hamba Allah. Mereka perlu menunaikan segala hak Allah seperti dalam ibadah khusus iaitu solat, puasa di bulan Ramadan, membayar zakat dan menunaikan haji kerana berdasarkan firman Allah SWT dalam surah al-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada-Ku”.*

Ayat di atas menunjukkan setiap manusia perlu mengingati tujuan mereka diciptakan di atas muka bumi ini adalah untuk beribadah kepada Allah SWT dan tidak melakukan syirik kepada-Nya (al-Zuhaili, Wahbah., 2007). Ini membuktikan wanita mempunyai tanggungjawab yang sama seperti lelaki walaupun terdapat beberapa kelonggaran dan keringanan yang diberikan ketika pelaksanaan ibadah tersebut. Malahan Nabi Muhammad SAW bersabda kepada wanita yang ingin masuk syurga yang bermaksud:

*“Apabila seorang wanita (isteri) itu sudah melakukan 4 perkara ini; solat fardu 5 waktu, berpuasa di bulan Ramadan, menjaga kehormatan diri dan mentaati perintah suami, maka dia bebas masuk ke syurga melalui mana-mana pintu yang dipilihnya.”* (Al-Iraqi Zain al-Din, Al-Mughni ‘an Haml al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij Ma fi al-Ihya’ min al-Akhbar, Kitab Adab al-Nikah, Al-Bab al-Awwal, fi al-Taghib al-Nikah, al-Bab al-Thalith: fi Adab al-Mu’asarah, No.3, hlm. 498)

Walau bagaimanapun, sebagai wanita perlu mengetahui keseimbangan antara

tanggungjawabnya dalam melaksanakan perintah Allah SWT dan mengurus rumah tangga. Sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang memiliki kesedaran mendalam tentang tanggungjawab, wanita mestilah mengatur kehidupannya secara seimbang. Rumah tangga tidak harus diabaikan kerana melaksanakan perintah Allah SWT. Begitu juga melaksanakan perintah Allah SWT tidak harus dikorbankan kerana sibuk melayani suami, anak-anak serta tuntutan kerja yang lain (Siti Nur Husna et al., 2017).

### **(ii) Wanita sebagai anak, isteri dan ibu**

Seterusnya peranan kedua terbesar wanita iaitu anak, isteri dan ibu dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Sebagai anak, mereka perlu taat kepada kedua ibu-bapa dan memberikan nafkah sekiranya ibu bapa fakir dan miskin sedangkan anak adalah orang yang senang. Sebagai isteri perlu taat kepada suami, menjaga kemuliaan dan harta benda suami. Manakala sebagai ibu mereka perlu bersama-sama suami untuk mendidik anak-anak dan menguruskan hal ehwal rumah tangga ketika ketiadaan suaminya di rumah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

*“Kamu dan harta kamu adalah hak bapamu. Sesungguhnya anak-anak kamu adalah antara sebaik-baik usaha kamu. Maka makanlah daripada hasil usaha anak-anak kamu.”* (Abadi, Muhammad Syams al-Haq al- ‘Azim. ‘Aun al-Ma’bud Sharh Sunan Abi Daud. Kitab al Ijarah. Bab fi al-Rajul Ya ’kulu min Maali Waladihu. Juz. 9. hlm. 353).

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

*Ketahuilah, semua kamu adalah penjaga dan bertanggungjawab terhadap jagaan kamu. Pemerintah yang memerintah rakyatnya bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki menjadi penjaga terhadap keluarganya, dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Isteri adalah penjaga rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggungjawab terhadap mereka. Hamba adalah penjaga harta tuannya, dan dia bertanggungjawab terhadapnya. Ketahuilah, setiap kamu adalah penjaga. Setiap kamu bertanggungjawab dan akan ditanya mengenai penjagaannya.* (Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah. Al-Adab al-Mufrad. Bab al- ‘Abd Ra ’i, No. 206. hlm. 81)

### **(iii) Wanita dalam masyarakat**

Wanita turut berperanan memberikan khidmat kepada masyarakat menerusi institusi dan aktivitinya tanpa merosakkan nilai dan etika yang telah ditetapkan oleh syarak (Siti Nur Husna Abd Rahman et al., 2017). Jika wanita perlu keluar bekerja, tanggungjawab mendidik

anak dan mengurus rumahtangga tetap perlu dipikul. Asasnya, suami sahaja yang bertanggungjawab mencari nafkah tetapi jika ada keperluan tertentu maka isteri diharuskan untuk keluar bekerja bagi membantu suami menjana ekonomi keluarga. Situasi wanita keluarga bekerja ada direkodkan di dalam Surah Al-Qasas ayat, 23 – 34 yang bermaksud:

*Dan ketika dia sampai di telaga air negeri Madyan, ia dapati di situ sekumpulan orang-orang lelaki sedang memberi minum (binatang ternak masing-masing), dan dia juga dapati di sebelah mereka dua perempuan yang sedang menahan kambing-kambingnya. Dia bertanya: "Apa hal kamu berdua?" Mereka menjawab: "Kami tidak memberi minum (kambing-kambing kami) sehingga pengembala-pengembala itu membawa balik binatang ternak masing-masing; dan bapa kami seorang yang terlalu tua umurnya". Maka Musa pun memberi minum kepada binatang-binatang ternak mereka, kemudian ia pergi ke tempat teduh lalu berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhanku, sesungguhnya aku sangat berhajat kepada sebarang rezeki pemberian yang Engkau berikan".*

Wanita muslimah di zaman Rasulullah SAW juga adalah sebagai bukti yang wanita telah terlibat secara langsung dalam pembangunan masyarakat dan negara. Sebagai contoh, ia dapat dilihat melalui peranan Saidatina Khadijah r.a. dalam mententeramkan Rasulullah SAW ketika penurunan wahyu yang pertama dan beliau direkodkan sebagai ahli perniagaan yang berjaya.

Keperluan dan kepentingan wanita untuk berkhidmat dalam masyarakat sememangnya tidak dinafikan sehingga kini kerana manusia saling memerlukan untuk memenuhi tuntutan kehidupan. Penglibatan wanita pada hari ini semakin meluas dan menyeluruh berikutnya terbuka luasnya peluang pengajian dan pekerjaan untuk mereka (Fatimah Ali, t.th). Peranan mereka tidak lagi terhad di rumah sebagai ibu mahupun isteri tetapi juga dalam pelbagai bidang professional dan ikhtisas (Asyraf Ab Rahman, et al., 2010). Malah atas keperluan tertentu, peranan dan tanggungjawab wanita menjadi lebih besar apabila perlu keluar bekerja untuk meringankan beban suami atau menyara keluarga demi kelangsungan hidup (Robiatul Adawiyah Mohd, 2009).

Selain itu, wanita turut berperanan dalam membentuk masyarakat Islam yang bertamadun dan berkualiti tinggi. Ini dapat dilihat melalui aktiviti-aktiviti yang dilakukan mereka secara berinteraksi dengan masyarakat dan menjadikan mereka sebagai ejen kepada perubahan baik daripada segi kebendaan mahupun kerohanian (Abdullah Alwi Hassan, 1996). Namun begitu, setinggi mana pangkat dan kedudukan mereka di mata masyarakat, wanita tetap tidak lari dari tanggungjawab mereka sebagai hamba Allah, isteri, ibu serta anak.

Justeru, mereka perlu memahami kewajipan yang dipikul, bijak menguruskan masa serta tidak melebihi daripada apa yang telah digariskan oleh hukum syarak.

### **Cabaran Wanita Bekerjaya dalam Mengurus Rumahtangga di Era Pandemik Covid-19**

Wanita bekerja bukanlah merupakan satu fenomena baharu dalam masyarakat dunia hari ini. Seperti yang dinyatakan dalam statistik di atas, seramai 6.16 juta atau 39.0 peratus daripada tenaga buruh di Malaysia adalah terdiri dalam kalangan wanita (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Penglibatan wanita yang telah berumahtangga dalam bidang pekerjaan telah mengundang pelbagai konflik dan cabaran yang terpaksa ditempuh (Siti Hasimah Bakeri, 2011). Apatah lagi apabila berada dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), ia telah menyebabkan bebanan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita bekerja ini semakin bertambah.

Sebagaimana menurut Fariza Md. Sham dalam Afzan Yusof (2020), beliau menyatakan bahawa rutin sebagai seorang wanita yang bekerja dalam masa sama memikul tanggungjawab sebagai seorang ibu dan isteri adalah sangat mencabar yang memerlukan kepada penyesuaian tugas dan persediaan daripada segi psikologi dan mental. Justeru dalam artikel ini, penulis melihat cabaran yang dilalui oleh wanita bekerja dalam menguruskan rumahtangga sepanjang pandemik Covid-19 ini boleh dibahagikan kepada dua aspek iaitu cabaran daripada segi fizikal dan tekanan emosi.

#### **Cabaran daripada segi fizikal**

Pandemik Covid-19 yang melanda telah memberi kesan daripada aspek fizikal kepada masyarakat termasuklah golongan wanita yang bekerja. Dalam situasi ini, mereka menghadapi pelbagai cabaran dan ujian. Oleh itu, penulis mendapati antara cabaran fizikal yang dihadapi oleh golongan ini dalam mengurus rumah tangga semasa pandemik adalah seperti berikut:

##### **(i) Bebanan kewangan**

Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (2020), pandemik Covid-19 memberi impak yang besar terhadap ekonomi di peringkat global. Disebabkan kadar jangkitan semakin menular, seluruh negara mengambil langkah dengan melaksanakan dasar '*lockdown*'. Pasaran dan rantaian bekalan terganggu, semua aktiviti perniagaan diarahkan tutup dan memberhentikan pengeluarannya. Berjuta rakyat yang telah kehilangan pekerjaan dan berkurangan mata pencarian.

Di Malaysia, berdasarkan statistik Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), sehingga Oktober 2020 seramai 90,470 orang telah hilang pekerjaan (Mohd Nasaruddin Parzi, 2020). Arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan hanya mengehadkan pergerakan individu di luar rumah tetapi juga penutupan sementara beberapa aktiviti perniagaan dan institusi atau organisasi awam dan swasta (Kasim Mansur, 2020).

Dalam kajian yang dilakukan oleh Siti Kamariah Ahmad Subki et. al. (2020) bertajuk ‘Impak Sosio-ekonomi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 terhadap Kehidupan Wanita di Selangor’ menunjukkan bahawa 25% wanita telah kehilangan sumber pendapatan ketika fasa PKP disebabkan oleh pemberhentian kontrak pekerja, penutupan premis perniagaan atau diberi cuti tanpa gaji. Kumpulan yang mudah terjejas adalah wanita dalam isi rumah besar, wanita yang mempunyai pendapatan isi rumah bulanan yang lebih rendah serta wanita yang mana pendapatan isi rumah mereka bergantung (sebahagian) kepada upah harian. Kumpulan kumpulan ini mencatatkan kehilangan sumber pendapatan lebih kerap di samping faktor persediaan kewangan yang lebih rendah. Manakala bagi golongan ibu tunggal secara khasnya, juga termasuk dalam kumpulan yang terjejas dan hampir sebahagian dilaporkan kehilangan sumber pendapatan disebabkan oleh pelaksanaan PKP.

Scenario ini membuktikan bahawa masalah kewangan menjadi cabaran terhadap Wanita dalam mengurus rumah tangga dan dikhawatiri ianya boleh memberi kesan yang besar terhadap rumah tangga. Shawaludin Husin dalam Erda Khursyiah Basir (2020) turut menyatakan aspek kewangan seringkali menjadi punca kritikal yang boleh membawa kepada tekanan hidup dan masalah mental sekiranya gagal ditangani lebih-lebih lagi bagi mereka yang mempunyai tanggungan serta beban hutang.

Selain itu, masalah kewangan juga merupakan antara penyebab utama berlakunya penceraian kerana ramai suami isteri diberhentikan kerja dan hilang punca pendapatan akibat pandemik Covid-19 ini. Masalah tersebut turut mempengaruhi komunikasi antara suami isteri lalu mewujudkan ketidaksefahaman di dalam rumah tangga (Hushim Salleh dlm. Raiham Mohd. Sanusi, 2020).

#### **(ii) Bebanan kerja dan pengurusan masa**

Sememangnya wanita bekerja lebih-lebih lagi yang telah berumahtangga memikul tanggungjawab dan peranan yang besar sebagai seorang isteri, ibu dan juga pekerja. Menurut Noor Rahamah Abu Bakar (2012), bebanan tugas di tempat kerja yang perlu dipikul

menyebabkan golongan wanita sering menghadapi masalah dalam melaksanakan tanggungjawab di rumah dengan sempurna. Selain itu, bebanan kerja yang terlalu banyak dan masa yang tidak mencukupi untuk melaksanakan tugas tersebut sekaligus memberikan kesan negatif kepada institusi keluarga (Noor Asmah Zakaria, 2020).

Dalam situasi pandemik yang mencabar ini, keseimbangan kerjaya dan kehidupan di rumah merupakan satu bebanan kepada sesiapa yang bekerja terutamanya wanita kerana wanita menghabiskan banyak masa menguruskan kerja rumah, tanggungjawab terhadap penjagaan anak-anak serta tuntutan kerja yang perlu dilaksanakan (Swarnalatha. V & Lalitha. P. 2020, & Power, 2020, & D. Del Boca et al., 2020).

Menurut Noor Asmah Zakaria (2020) dalam kajiannya lagi, ramai pekerja diarahkan untuk bekerja dari rumah termasuklah golongan wanita. Norma baharu ini sangat mencabar bagi sesetengah individu lebih-lebih lagi kepada mereka yang bekerja dengan tanggungjawab serta tugas bukan hanya tertumpu kepada kerjaya semata-mata, malah tanggungjawab sebagai pengurus rumahtangga perlu seiring bersama.

Ini juga dapat dilihat dalam kajian Masyitah Abdul Majid (2020), menyatakan bahawa bagi pengurus rumahtangga yang berkerjaya, tempoh PKP yang sedang dihadapi ini hampir merubah 90 peratus rutin harian yang biasa dilakukan. Ia termasuklah perubahan rutin dalam menguruskan rumahtangga, rutin bekerja serta rutin bersosial. Selain itu, bekerja dari rumah memerlukan sepenuh tumpuan pada waktu kerja dan suasana yang teratur. Namun, ada sebahagian kediaman pula yang tiada ruang untuk melakukan kerja dan kemampuan untuk mendapatkan kemudahan bekerja sebagaimana di tempat kerja adalah hampir mustahil (Masyitah Abdul Majid, 2020). Suasana ini boleh mengganggu tumpuan dalam memenuhi tuntutan kerja yang perlu dilaksanakan.

Justeru itu, menguruskan masa dengan lebih efisyen dalam norma baharu ini perlu dirancang serta disusun dengan baik kerana ia memberi kesan dan kualiti dalam hidup setiap individu.

### **(iii) Penjagaan dan pengurusan anak**

Sebelum PKP dilaksanakan, cabaran mendidik anak bagi wanita bekerjaya adalah lebih mudah kerana sebahagian tugasnya telah dipikul oleh pihak taska, pengasuh atau pun pembantu rumah. Sejurus PKP dilaksanakan, secara drastik cabaran tersebut digalas sepenuhnya oleh mereka (Masyitah Abdul Majid, 2020). Semua tanggungjawab dan tugas tidak lagi tertumpu kepada kerjaya semata-mata, namun penjagaan anak dan layanan terhadap suami juga menjadi keutamaan. Malah, beban penjagaan anak-anak beralih ke atas

bahu wanita sepenuhnya.

Bagi wanita yang mempunyai anak, mereka perlu mengurus anak-anak yang masih kecil dan pembelajaran atas talian untuk anak yang bersekolah memandangkan sektor pendidikan seperti taska, sekolah, institut pengajian tinggi ditutup operasinya. Hal ini dapat dibuktikan melalui laporan *International Labour Organization* (ILO) (2020), keluarga yang mempunyai anak berusia 6 hingga 12 tahun, kebanyakannya yang bekerja dari rumah menghadapi krisis menguruskan persekolahan anak dalam masa yang sama memenuhi tuntutan kerjaya sebagai pekerja.

Walaupun mempunyai suami yang turut membantu, namun masih ada yang terpaksa mengurus sendirian kerana komitmen pasangan yang turut bekerja dari rumah atau menjadi barisan hadapan membendung Covid-19 (Munzilah Md. Rohani dlm. Nurul Husna Mahmud, 2020). Bagi golongan ibu tunggal pula, senario ini sudah tentu mendaratkan cabaran yang besar kerana mereka bersendirian dalam mengurus rumahtangga serta komitmen sebagai pekerja untuk dilakukan dalam masa yang serentak.

Namun begitu, bagaimana pula bagi wanita yang masih terpaksa bekerja seperti biasa yang bukan bekerja dari rumah menghadapi situasi ini untuk meninggalkan anak-anak menguruskan makan pakai secara sendirian tanpa pantauan dari ibubapa? Laporan daripada *International Labour Organization* (ILO) menunjukkan lebih daripada 70% golongan wanita di peringkat global adalah pekerja dalam sektor kesihatan termasuklah yang bekerja di institusi penjagaan. Mereka terdiri daripada barisan hadapan yang memerangi wabak Covid-19. Sudah tentu golongan ini menghadapi beban yang berganda dengan masa bekerja di tempat kerja adalah lebih lama serta beban kerja semakin bertambah apabila tiba di rumah.

### **Cabarani daripada Segi Tekanan Emosi**

Norma baharu seperti bekerja dari rumah dalam kalangan sebahagian individu merasakan ianya satu kelebihan kerana dapat meluangkan masa bersama keluarga, tidak perlu bersesak di jalanraya untuk keluar bekerja, dapat menjimatkan masa dan kos bekerja di luar dan sebagainya. Namun, bukan semua individu dapat melaluinya dengan senang. Berdasarkan situasi cabaran yang dihadapi oleh wanita berkerjaya yang mengurus rumahtangga semasa pandemik ini, ia memberi tekanan kepada golongan ini bahkan jika berlarutan tanpa kawalan dan sokongan ia akan membawa kepada pergolakan rumahtangga. Cabaran ini dilihat semakin berganda kerana untuk memenuhi tuntutan kerja dan tuntutan

keluarga dalam waktu yang sama.

Situasi dan keadaan yang dilalui ini boleh memberi tekanan serta mengganggu kesejahteraan mental dan emosi sebahagian daripada mereka. Walaupun dalam keadaan menghadapi krisis tekanan ini adalah normal bagi setiap individu yang melaluinya, namun ia tidak seharusnya boleh membawa kepada masalah kesihatan mental seperti kemurungan (*depression*), keresahan (*anxiety*), kecelaruan bipolar (*bipolar disorder*) dan skizofrenia (*schizophrenia*) (Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid, 2020).

Kajian-kajian lepas menunjukkan peningkatan stres dan emosi semakin meningkat semasa pandemik Covid-19. Ramai yang menghadapi tekanan, gangguan emosi serta kemurungan berikutnya yang semakin meningkat disebabkan berlaku sekatan pergerakan yang terhad di kalangan masyarakat (Abdul Rashid Abdul Aziz et al., 2020, Limcaoco, 2020, Bohlken, Jens. et al., 2020).

Sediri et al. (2020) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa wanita turut menghadapi tekanan mental dan keganasan rumahtangga semasa pandemik kini. Manakala bagi wanita terutamanya yang bekerja sebagai barisan hadapan membendung wabak Covid-19 turut menghadapi tekanan daripada segi fizikal dan mental disebabkan beban kerja yang ditanggung serta pengurusan keluarga yang perlu diuruskan (Shaukat et al., 2020). Hal ini turut dilaporkan oleh ILO (2020), sebanyak 70% golongan wanita yang bekerja dalam sektor kesihatan dan institusi penjagaan menghadapi beban yang berganda dalam menghadapi situasi di tempat kerja dan rumah.

Tiada siapa tahu bila akan berakhir wabak ini, justeru itu sokongan dan perhatian daripada semua pihak perlu diberikan kepada golongan ini bagi memastikan kesejahteraan rumahtangga terjaga. Daripada pihak suami, perlulah memainkan peranannya dalam membentuk rumahtangga yang harmoni. Tugasan mengurus rumahtangga bukanlah terletak di bahu isteri semata-mata, malah perlu sokongan dan kerjasama daripada pihak suami juga. Saling bertolak ansur dan memahami perlu diutamakan dalam mengemudi bahtera rumahtangga dengan baik.

Manakala daripada aspek kewangan, sokongan dan bantuan boleh diperoleh melalui saluran yang diberi oleh pihak kerajaan, institusi zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan sebagainya. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) juga turut mengekalkan operasi Talian Kasih bagi memenuhi keperluan golongan kanak-kanak, wanita, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan warga emas. KPWKM juga turut menubuhkan Talian Khas Kaunseling

Covid-19 bagi memberi sokongan psikologi kepada yang memerlukan.

Selain itu, penulis berpandangan sokongan daripada pihak majikan dalam situasi ini juga sangat perlu diberi perhatian dalam meringankan bebanan golongan yang bekerja merangkap sebagai pengurus rumahtangga. Cadangan agar pihak majikan melaksanakan waktu bekerja secara fleksibel atau anjal sebagai salah satu norma baharu yang berlaku sekarang. Bekerja secara fleksibel juga dapat meningkatkan kadar keupayaan wanita untuk menyertai pasaran buruh terutama kepada mereka yang berpendapatan rendah untuk menambahkan pendapatan keluarga serta dalam masa yang sama dapat menstabilkan emosi dan mental dengan baik.

Penulis juga berpandangan perlunya kaunselor untuk lebih giat memberi bantuan psikologi kepada golongan wanita yang memerlukan perkhidmatan kaunseling atau khidmat nasihat ketika berhadapan dengan cabaran dan perubahan mental akibat pandemik COVID-19. Berkemungkinan juga mereka tidak mengetahui sedang mengalami tekanan emosi. Jika pihak kaunselor turun ke lapangan untuk berjumpa dengan golongan ini, akan dapat merawat tekanan emosi daripada terus berlarutan atau tidak dipulihkan sehingga memberi kesan terhadap diri dan keluarganya.

Akhir sekali, adalah penting bagi pekerja wanita yang berkeluarga dapat mengimbangkan tuntutan kerjaya yang diselangi dengan tugas domistik yang lain. Tidak dinafikan sememangnya situasi yang dilalui dalam norma baharu ini adalah lebih mencabar, namun mereka perlu bijak dalam menguruskan masa dengan efisien serta menggunakan pelbagai kemudahan dan sokongan yang disediakan dengan baik. Bagi mengelakkan berlaku tekanan daripada segi fizikal dan mental secara berterusan terhadap golongan ini, kesemua pihak perlulah memainkan peranan masing-masing agar keseimbangan dan kesejahteraan rumahtangga dapat terjamin.

## RUJUKAN

- Al-Quran. 2001. Tafsiran Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Cet. 12. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Abadi, Muhammad Syams al-Haq al-'Azim. 1415H. 'Aun al-ma'bud sharh sunan Abi Daud. Cet. 3. Beirut: Dar al-Kitab Al-'Ilmiyyah.
- Abdul Rashid Abdul Aziz, Amin Al Haadi Shafie, Zuraina Ali & Noor Dahiah Sulhana Dzainal. 2020. Pengamalan Nilai Agama dalam Mengatasi Kemurungan Semasa Pandemik Covid-19. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(12): 31-44.
- Abdullah Alwi Hassan. 1996. Islam dan Wanita. Jurnal Usuluddin. 4: 105- 110. Afzan Yusof. 2020. Pandemik Beri Impak Kepada Wanita. Utusan Malaysia Online, 16 Okt. <https://www.utusan.com.my/gaya/2020/10/pandemik-beri-impak-kepada-wanita/> [13 Januari 2021].

Asyraf Ab Rahman, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. 2010. Peranan Wanita dalam Pembangunan Keluarga dari Perspektif fi zilal al-Quran. *Journal of Governance and Development*, 6: 14-21.

Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughirah. 1989. Al-adab al-mufrad. Cet. 3. Beirut: Dar al-Basyair al-Islamiyyah.

Daniela Del Boca, N. O. 2020. Women's and Men's Work, Housework, and Childcare, Before and During Covid-19. *Rev Econ Household*, 1001- 1017.

Eikhwan Ali & Mahirah A Rashid. 2020. Pandemik Covid-19: Mendepani Impak Psikososial. Terengganu: Perspektif, Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Erda Khursyiah Basir. 2020. Covid-19: Risiko Masalah Mental, Perlu Penyelesaian Terbaik. Bernama Online, 2 April. [https://www.bernama.com/bm/am/news\\_covid-19.php?id=1827662](https://www.bernama.com/bm/am/news_covid-19.php?id=1827662) [13 Januari 2021].

Fatimah Ali. t.th. Pandangan Islam Terhadap Wanita Bekerja. *Jurnal Usuluddin*, 157-190.

International Labour Organization. 2020. The Covid-19 Response: Getting Gender Equality Right for a Better Future for Women at Work. Geneva: International Labour Organization.

Al-Iraqi, Zain al-Din. 2005. Al-Mughni 'an Haml al-Asfar fi al-Asfar fi Takhrij ma fi al-Ihya' min al-Akhbar. Cet. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.

Jens Bohlken, F. S.-H. 2020. COVID-19 Pandemic: Stress Experience of Healthcare Workers - a Short Current Review. *Psychiatr Prax*, 47(4): 190-197.

Kamus Dewan. 2005. Edisi Ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kasim Mansur. 2020. Covid-19 Impak Kepada Ekonomi dan Peranan Institusi Waqaf (endowment) Mendepani Kegawatan Sosio-ekonomi Ummah. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.

Lalitha, V. S. 2020. Work-life Balance in Pandemic: a Conceptual Study of Problems and Challenges Faced by Working Women Professionals. *MuktShabd Journal*, IX(V): 6173-6179.

Masyitah Abdul Majid. 2020. Realiti dan Cabaran Dihadapi Pengurus Rumahtangga semasa PKP. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Mohd Nasaruddin Parzi. 2020. Seramai 90470 Orang Kehilangan Pekerjaan Tahun Ini. Berita Harian Online, 2 November. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/11/749128/seramai-90470-orang-hilang-pekerjaan-tahun-ini> [27 Januari 2021].

Natasha Shaukat, D. M. 2020. Physical and Mental Health Impacts of COVID-19 on Healthcare Workers: a Scoping Review. *International Journal of Emergency Medicine*, 13(40): 1-8.

Nazri Muslim. 2018. Hubungan Kaum Harmoni ikut Perspektif Islam. Berita Harian Online, 21 Disember. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/12/511568/hubungan-kaum-harmoni-ikut-perspektif-islam> [30 Mac 2021].

Noor Asmah Zakaria. 2020. Realiti dan Cabaran Wanita Bekerjaya. Terengganu: Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Noor Rahmah Abu Bakar. 2012. Wanita Bekerja dan Pengurusan Keluarga. *Geografia Online Malaysia Journal of Society and Space*, 8(7): 155-162. Nurul Husna Mahmud. 2020. Tak Perlu Semua Sempurna. *Harian Metro Online*, 29 Oktober. <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/10/635810/tak-perlu-semua-sempurna> [28 Januari 2021].

Power, K. 2020. The Covid-19 Pandemic has Increased the Care Burden of Women and Families. *Sustainability: Science, Practice and Policy*, 16(1): 67-73.

Robiatul Adawiyah Mohd. 2009. Hak-hak Isteri dalam Perkahwinan Menurut al Quran dan al-Sunnah. Melaka: Kolej Universiti Islam Melaka.

Rosario Sinta Gamonal Limcaoco, E. M. 2020. Anxiety Worry and Perceived Stress in the World due to the Covid-19 Pandemic, March 2020. Preliminary Results. The Preprint Server for Health Sciences.

Sabrine Sediri, Y. Z. 2020. Women's Mental Health: Acute Impact of COVID-19 Pandemic on domestic violence. Archives of Women's Mental Health, 749-756.

Siti Hasimah Bakeri. 2011. Cabaran Wanita Bekerjaya dalam Menguruskan Rumahtangga: Satu Kajian dalam Kalangan Staf Fakulti Pendidikan UTM.

Siti Kamariah Ahmad Subki, Rusni Tajari, Nur Hazwani Hussin, Muhammad Hafiz Dzulkifli, Leoniek Kroneman dan Lim Su Lin. 2020. Impak sosio-ekonomi Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Covid-19 terhadap Kehidupan Wanita di Selangor. Petaling Jaya: Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor.

Siti Nur Husna Abd Rahman, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim & Muhammad Adnan Pitchan. 2017. Peranan Wanita dalam Institusi Kekeluargaan: Perbincangan dari Perspektif Islam. Journal of Social Sciences and Humanities, 12(3): 1-16.

Al-Zuhaili, Wahbah. 2007. Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Shariah wa al Minhaj. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir.